

Peningkatan berlaku kerana nilai harta yang musnah terlalu tinggi

Rugi RM5 bilion sebab kebakaran

KUALA TERENGGANU – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merekodkan jumlah kerugian akibat kebakaran sebanyak RM5 bilion di seluruh negara pada tahun lepas.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Soiman Jahid berkata, jumlah itu meningkat kira-kira RM1 bilion berbanding RM4 bilion tahun sebelumnya.

Beliau berkata, antara penyumbang peningkatan kerugian adalah kebakaran kilang-kilang yang mempunyai nilai harta tinggi dan kebakaran kawasan perumahan yang meningkat pada masa kini.

“Disebabkan itu, walaupun statistik jumlah kerugian menunjukkan peningkatan, namun jumlah statistik bilangan kebakaran pula menunjukkan penurunan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penganugerahan



SOIMAN (depan, tengah) bergambar bersama penerima pingat dan anugerah pada Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran JBPM dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 di Kuala

Pingat Kebesaran JPBM dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur 2017 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Soiman berkata, kesukaran pihak bomba memadamkan api kebakaran susulan pelbagai langkah keselamatan yang diambil oleh pemilik premis

juga menyebabkan peningkatan kerugian terhadap premis.

Menurut Soiman, pihaknya akan membuat pemantauan terhadap premis-premis dan memberikan notis penghapusan bahaya kebakaran terhadap pemilik premis.

“Pemilik premis boleh dikenakan tindakan undang-undang jika melakukan kesalahan berulang yang boleh menyebabkan kesukaran operasi menyelamat dan memadam kebakaran.

“Mereka yang didapati bersalah akan dituduh di mahkamah di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000,” katanya.

Sementara itu, Soiman berkata, pada tahun lepas pihak bomba menerima 82,000 panggilan kecemasan dan lebih kurang 30,000 melibatkan kebakaran manakala selebihnya untuk menyelamat. – Bernama